

## BAB 2

# SEJARAH PENYERTAAN CALON WANITA MUSLIM DALAM PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Bab ini akan membicarakan mengenai sejarah pilihan raya di Malaysia selaku negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Di samping itu, turut dimuatkan tentang aspek-aspek penting dalam proses pilihan raya seperti kawasan yang terlibat, pengundi, calon-calon yang terpilih serta proses pilihan raya itu sendiri. Antara lain juga ialah penjelasan mengenai jenis pilihan raya yang diadakan di Malaysia. Selain itu, sejarah mengenai penyertaan golongan wanita dalam pilihan raya di Malaysia tidak diabaikan kerana wanita menjadi subjek utama dalam kajian ini.

### 2.1 Sejarah Pilihan Raya di Malaysia

Kesedaran politik bermula sejak manusia mengenal tamadun. Aristotle merupakan manusia pertama yang memperkenalkan istilah ‘politik’ menerusi bukunya ‘*Politics*’ yang ditulis pada tahun 300 SM. Manusia sebagai makhluk sosial merupakan ‘haiwan politik’ kerana kehidupan bermasyarakat yang dilaluinya dan ia juga merupakan sesuatu perkara yang tidak dapat dielakkan.<sup>37</sup> Dalam konteks Tanah Melayu sekitar tahun 1900 sehingga 1944, kesedaran politiknya mengikut pola perkauman.<sup>38</sup> Menurut K.R. Minogue dalam bukunya *Nationalism*, beliau memberi takrif konsep nasionalisme sebagai ‘satu aliran idea ataupun satu bentuk tindakan sendiri yang

---

<sup>37</sup> Mustafa dan Afifi, *Politik dan Pemerintahan Negara*, 3.

<sup>38</sup> Mohd. Isa, *Sejarah Malaysia (1800-1963)* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 2002), 228.

mengandung jenis perasaan politik yang tertentu dan boleh dialirkan dari golongan elit kepada orang kebanyakan.<sup>39</sup>

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kerajaan telah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen<sup>40</sup> di mana pilihan raya memainkan peranan yang sangat penting sebagaimana yang tercatat dalam Perlembagaan Malaysia. Perjalanan pilihan raya di Malaysia diurusadbir terutamanya oleh tiga badan perundangan iaitu Perlembagaan Malaysia, Akta Pilihan Raya 1958 dan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.<sup>41</sup> Perlembagaan Malaysia yang dahulunya dinamakan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, telah digubal dan diwujudkan pada 31hb Ogos 1957 dalam tempoh 27 tahun.<sup>42</sup> Perlembagaan ini yang merupakan perlembagaan bertulis adalah institusi yang paling tinggi di Malaysia jika dibandingkan dengan Britain, iaitu parlimen.<sup>43</sup>

Sejak kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah menjalankan pilihan raya dalam jarak waktu yang tersusun. Namun terdapat suatu jangka waktu di mana demokrasi berparlimen ini ditangguhkan selama dua tahun kerana telah berlaku rusuhan kaum di antara Melayu dan China berikutan pilihan raya umum pada tahun 1969.<sup>44</sup> Mengenai sejarah pilihan raya di Malaysia, tujuannya adalah untuk memilih wakil-wakil ke dalam Majlis Mesyuarat Perundangan di negara ini yang bermula dalam tahun 1950-an. Sebenarnya desakan dan perkembangan untuk mengadakannya berlaku sejajar dengan adanya kegiatan-kegiatan politik kepartian yang bertujuan untuk mencapai kemerdekaan daripada pihak kolonial Inggeris.

---

<sup>39</sup> K.R Minogue, *Nationalism* (London: B.T. Batsford Ltd, 1967), 30

<sup>40</sup> Juga dikenali sebagai sistem kabinet

<sup>41</sup> *Reformasi Pembiayaan Politik di Malaysia* (Kuala Lumpur: Transparency International-Malaysia, 2010), 53.

<sup>42</sup> Zakry Abadi, *Konflik Istana dan Parlimen* (Kuala Lumpur: Penerbitan Gatra Jaya, 1983), 11.

<sup>43</sup> Atory, *Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Barat*, 30-31.

<sup>44</sup> Goh Cheng Teik, *Election Setbacks in Malaysia*, 161.

Bermula dengan rancangan penubuhan Kesatuan Malaya (*Malayan Union*) pada 1946 ditentang orang Melayu melalui parti UMNO di bawah pimpinan Datuk Onn.<sup>45</sup> Sebagai ganti rancangan tersebut, pada tahun 1948 Inggeris merancang untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu. Cadangan ini menjadi dasar penubuhan sebuah persekutuan bagi sembilan buah Negeri Melayu iaitu Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Johor, Pahang, Negeri Sembilan, Selangor dan Perak bersama-sama Melaka dan Pulau Pinang.

Perjalanan pentadbiran Persekutuan berdasarkan Perjanjian 1948 ini sesungguhnya merupakan asas penubuhan sebuah negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka kemudiannya. Asas ini bagaimanapun telah diubah bagi disesuaikan dengan keperluan tertentu. Langkah selanjutnya yang diambil oleh kerajaan British ke arah pemerintahan sendiri ialah memperkenalkan pilihan raya. Langkah ini bertujuan memberi pendedahan dan pengalaman kepada para pemimpin dan penduduk Tanah Melayu kepada amalan demokrasi.

Oleh itu, pihak British memperkenalkan satu proses memilih ahli-ahli Majlis Mesyuarat Undangan melalui pilihan raya. Pada mulanya, pilihan raya diadakan untuk memilih anggota perwakilan di peringkat penguasa tempatan, sebelum diperkenalkan kepada pilihan raya di peringkat negeri dan persekutuan. Kesemua pilihan raya ini diadakan secara berperingkat-peringkat.<sup>46</sup>

---

<sup>45</sup> Dato' Onn atau nama sebenar Dato' Onn bin Jaafar dilahirkan pada tahun 1895. Bapanya, Dato' Jaafar bin Haji Muhammad merupakan Menteri Besar Johor yang pertama. Beliau pernah bertugas di akhbar Lembaga Melayu dan Warta Malaya sebagai wartawan. Beliau mengasaskan Pergerakan Melayu Semenanjung Johor yang lahir akibat pergaduhan Melayu-Cina di Batu Pahat (sila rujuk UMNO Johor 50 Tahun: Memartabatkan Bangsa Melayu). Pada 11 Mei 1956, beliau dilantik sebagai Yang Dipertua Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang pertama. Hasil dari gerakan dan tekanan politik kumpulan rakyat di bawah pimpinan Dato' Onn, British akhirnya menggugurkan Malayan Union dan membentuk sebuah persekutuan iaitu Persekutuan Tanah Melayu pada 1948. Pada bulan Jun 1950, beliau meletakkan jawatan Yang Dipertua UMNO kerana cadangannya supaya menerima orang-orang bukan Melayu menyertai UMNO dan menukar perkataan 'Malay' pada UMNO kepada 'Malaya' ditolak oleh ahli-ahli UMNO. Akhirnya, tempatnya diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman Purta Al-Haj.

<sup>46</sup> Ruslan Zainuddin, *Sejarah Malaysia*, ed. ke-2 (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 2003), 639-640.

## **Pilihan Raya di Peringkat Tempatan**

Bagi pilihan raya umum di peringkat penguasa tempatan, buat julung kalinya diadakan pada Disember 1951 bagi memilih anggota Majlis Perbandaran di George Town, Pulau Pinang. Pilihan raya ini diperkenalkan bagi memilih ahli-ahli Majlis Tempatan disamping melatih penduduk di Tanah Melayu memilih pemimpin mereka sendiri sebagai persediaan awal ke arah pemberian taraf berkerajaan sendiri. Dalam pilihan raya ini, Parti Radikal memenangi enam daripada sembilan kerusi yang dipertandingkan, manakala UMNO, Parti Buruh dan calon bebas masing-masing memenangi satu kerusi.

Pilihan raya peringkat tempatan yang kedua pula diadakan pada Februari 1952 bagi Majlis Perbandaran Kuala Lumpur. UMNO Selangor dan MCA Selangor berpakat untuk bekerjasama bagi mengelakkan pertandingan sesama sendiri. Pakatan ini bertujuan untuk menandingi saingan hebat IMP yang dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar. Dalam pilihan raya ini, UMNO-MCA memenangi sembilan daripada 12 kerusi yang dipertandingkan. IMP hanya memenangi dua kerusi dan satu kerusi lagi dikuasai oleh calon bebas. Ini mendorong UMNO-MCA bekerjasama secara kekal melalui penubuhan Parti Perikatan di peringkat kebangsaan. Manakala pada tahun 1955, MIC yang mewakili kaum India juga turut menyertai Parti Perikatan. Antara negeri lain yang telah menjalankan pilihan raya ialah Johor iaitu pada 10 Oktober 1954 dan Terengganu pada 29 Oktober 1954.<sup>47</sup>

## **Pilihan Raya Peringkat Persekutuan 1955**

Setelah keadaan terkawal ekoran ancaman pemberontakan komunis yang dilancarkan Parti Komunis Malaya pada awal 1950-an, barulah hak mengundi diberi

---

<sup>47</sup> S.Sothi Rachagan, *Law and the Electoral Process in Malaysia* (Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1993), 5.

kepada rakyat secara berperingkat. Oleh itu, Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan pertama Tanah Melayu telah dilangsungkan pada 27 Julai 1955 bagi merebut 52 buah kerusi yang dipertandingkan. Dalam pilihan raya ini, 1.6 juta orang yang layak mengundi dan daripada jumlah itu, 1.28 juta orang telah mendaftar sebagai pengundi.<sup>48</sup>

Segala urusan berhubung dengan pilihan raya umum pertama itu dikelola dan ditadbirkan oleh Ketua Setiausaha Kerajaan melalui pegawai utamanya iaitu T.E. Smith. Beliau merupakan Penyelia Pilihan Raya Umum (*Supervisor of Elections*). Dalam laporannya itu, beliau melaporkan bahawa pengundian itu dilangsungkan kira-kira 18 bulan selepas laporan daripada jawatankuasa mengenai Pilihan raya tersebut diterbitkan, 13 bulan selepas laporan daripada Suruhanjaya menentukan sempadan Pilihan raya yang diketuai oleh Lord Merthyr dikemukakan kepada Kerajaan dan sesudah 9 bulan pendaftaran pengundi-pengundi diselesaikan.<sup>49</sup>

Dalam pilihan raya itu, Parti Perikatan pimpinan Tunku Abdul Rahman telah meletakkan calon bagi kesemua 52 kerusi yang dipertandingkan. Parti Negara bertanding 33 buah kerusi, PAS 11 kerusi dan calon bebas seramai 18 orang. Parti Perikatan mencapai kejayaan besar dengan memenangi 51 daripada 52 kerusi. Satu lagi kerusi dimenangi oleh Parti PAS di kawasan Kerian, Perak. Kemenangan Parti Perikatan ini membolehkan pembentukan kerajaan dengan Tunku Abdul Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri Pesekutuan Tanah Melayu atau kini dikenali sebagai Perdana Menteri.<sup>50</sup>

Setelah itu, satu perundingan dengan kerajaan British di London dalam bulan Januari dan Februari 1956 diikuti dengan usaha-usaha beberapa bulan oleh Suruhanjaya

---

<sup>48</sup> Ibid.

<sup>49</sup> Hussain Mohamed, *Membangun Demokrasi: Pilihan raya di Malaysia* (Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd, 1987), 13.

<sup>50</sup> Ruslan, Mahadee dan Zaini, *Kenegaraan Malaysia*, 158-160.

Perlembagaan yang khusus telah menjadikan Tanah Melayu sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat pada 31 Ogos 1957.<sup>51</sup> Setelah segala urusan dilakukan seperti upacara menandatangani Perjanjian Malaysia di London pada Julai 1963 serta perasmian Malaysia di London berikutan cadangan pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1963, akhirnya telah rasmi tanah Melayu sebagai Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.<sup>52</sup>

Sewaktu mencapai kemerdekaan pada tarikh 31 Ogos 1957, negara ini dikenali dengan nama Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Sarawak dan Sabah (ketika itu Borneo Utara) masih lagi tanah jajahan Inggeris. Kedua-dua wilayah itu kemudian bergabung dengan Tanah Melayu untuk membentuk sebuah persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. PTM adalah unit politik yang telah diinstitusikan pada 1 Februari 1948 bagi menggantikan *Malayan Union* yang telah ditubuhkan pada 1 April 1946, tidak lama selepas Inggeis kembali menjajah Tanah Melayu. Sebelum itu Jepun telah pun menyerah kalah dalam Perang Dunia Kedua setelah hampir tiga tahun lapan bulan berada di Tanah Melayu iaitu sehingga 15 Ogos 1945.<sup>53</sup>

### **Pilihan Raya Umum 1959**

Pilihan Raya Umum yang pertama selepas Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pula diadakan pada 19 Ogos tahun 1959 apabila mandat memerintah yang diperoleh menerusi pilihan raya 1955 berakhir.<sup>54</sup> Perbezaan yang ketara di antara pilihan raya 1955 dengan semua pilihan raya lain yang diadakan selepas merdeka ialah pada

---

<sup>51</sup> B. Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu 1945-1963* (Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985), 16.

<sup>52</sup> Ibid, 17.

<sup>53</sup> Chamil Wariya, *Malaysia: 50 Fakta Asas Kenegaraan* (Kuala Lumpur: Media Global Matrix Sendirian Berhad, 2007), 8.

<sup>54</sup> Ibid, 65.

ketika itu, Persekutuan Tanah Melayu masih berada dalam cengkaman Inggeris. Oleh itu, pada pilihan raya kali ini, kuasa mengundi diberikan pada rakyat sendiri.

Keputusan pilihan raya akhirnya berpihak kepada Parti Perikatan yang mewakili UMNO, MCA dan MIC apabila sekali lagi beroleh kejayaan apabila memenangi 74 kerusi daripada 104 yang dipertandingkan. Manakala terdapat penambahan jumlah pengundi sebanyak 70% iaitu daripada 1.28juta pada tahun 1955 kepada 2.17 juta pada tahun 1959. Majoritinya terdiri daripada kaum Melayu iaitu sebanyak 57%. Kesan daripada itu, bilangan kerusi yang dipertandingkan telah bertambah kepada 104 daripada 52 kerusi.<sup>55</sup> Tunku Abdul Rahman pula telah dapat membentuk sebuah kabinet pertama pada 23 Ogos 1959 yang tentunya bebas daripada pengaruh penjajah.

Selepas daripada itu, telah ditetapkan bahawa pilihan raya umum di Malaysia akan diadakan sekali pada setiap lima tahun. Menurut rekod, tempoh berkempen paling panjang ialah selama 47 hari pada pilihan raya 1955. Tetapi lazimnya kini, kempen itu tidak melebihi 14 hari. Sejak merdeka pada 1957, negara ini telah mengadakan 12 pilihan raya umum iaitu pada 1959, 1964, 1969, 1974, 1978, 1982, 1986, 1990, 1995, 1999, 2004 dan yang terkahir pada 2008.<sup>56</sup> Berikut merupakan tempoh kempen setiap pilihan raya di Malaysia.

Pilihan raya	Tempoh Berkempen
Tahun 1959	35 hari
Tahun 1964	35 hari
Tahun 1969	35 hari
Tahun 1974	14 hari
Tahun 1978	14 hari
Tahun 1982	14 hari <sup>57</sup>
Tahun 1986	10 hari
Tahun 1990	10 hari
Tahun 1995	10 hari

<sup>55</sup> Tajuddin Hussein, *Malaysia Negara Kita* (Kuala Lumpur: MDC Publishers Sdn. Bhd, 2009), 393.

<sup>56</sup> Ibid, 67.

<sup>57</sup> HarakahDaily, laman sesawang, <http://www.harakahdaily.net> , dicapai 20 Disember 2011.

Tahun 1999	9 hari
Tahun 2004	8 hari
Tahun 2008	13 hari <sup>58</sup>

## 2.2 Perkara-perkara penting dalam pilihan raya

Proses pilihan raya yang dijalankan di Malaysia mengandungi peraturannya yang tersendiri serta syarat-syarat yang ditetapkan. Perkara-perkara ini penting agar tidak berlaku sebarang masalah yang tidak diingini sama ada untuk pengundi mahupun calon yang terlibat. Berikut merupakan beberapa perkara penting dalam proses pilihan raya.

### 2.2.1 Kawasan pilihan raya

Di dalam setiap sistem pilihan raya, setiap negeri perlu dibahagikan kepada beberapa kawasan pilihan raya yang diwakili oleh seorang atau beberapa orang wakil rakyat. Mengikut sistem pilihan raya di Malaysia, tiap-tiap satu kawasan pilihan raya hanya diwakili oleh seorang wakil rakyat sahaja dan bukannya oleh beberapa orang wakil rakyat. Kawasan pilihan raya boleh dimaksudkan sebagai kawasan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri kecuali negeri Sarawak yang dikenali sebagai Majlis Negeri.<sup>59</sup> Oleh itu, bilangan kawasan pilihan raya Dewan Rakyat adalah sama banyak dengan bilangan ahli Dewan Rakyat. Begitu juga bilangan kawasan pilihan raya bagi Dewan Negeri adalah sama banyak dengan ahli Dewan Negeri.<sup>60</sup>

Berkaitan dengan perkara ini ialah persempadanan bahagian pilihan raya. Proses ini merupakan salah satu daripada tanggungjawab SPR seperti yang ditetapkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan iaitu setiap bahagian pilihan raya haruslah

<sup>58</sup> Warkah, laman sesawang <http://warkah.com>, dicapai 20 Disember 2011.

<sup>59</sup> *Pentadbiran dan Pengurusan Awam Malaysia* (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), 2006), 47.

<sup>60</sup> Mohd Salleh Abas, *Pilihan raya Malaysia* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1984), 6.



mengandungi sebilangan pemilih yang tinggal di kawasan yang boleh dikenal pasti.<sup>61</sup> Bagi memastikan jumlah pemilih seimbang di semua kawasan pilihan raya, asas penentuannya berdasarkan kepada tiga kategori iaitu bandar, separuh bandar dan luar bandar serta pedalaman.

Sebagai contoh, untuk kategori bandar yang memiliki luas kawasan antara lapan hingga 49 kilometer (km) persegi ialah bersamaan dengan 60,000 orang ke atas bagi kawasan Parlimen dan 25,000 orang ke atas untuk kawasan DUN. Manakala kawasan separuh bandar yang memiliki antara 50 hingga 250 km persegi pula bersamaan dengan 30,000 hingga 59,000 orang bagi kawasan Parlimen dan untuk DUN antara 15,000 hingga 24,000 orang.<sup>62</sup> Persempadanan semula kawasan pilihan raya akan dilakukan selepas lapan tahun.<sup>63</sup> Oleh yang demikian, tidak timbul masalah ketidakseimbangan tentang jumlah pemilih yang terlibat dalam proses pilihan raya.

### **2.2.2 Pengundi**

Melihat kembali konsep demokrasi berparlimen, rakyat memegang ‘kuasa terbesar’ dalam menentukan kepimpinan mereka. Menurut Robert A. Dahl, demokrasi merupakan satu sistem yang memberi peluang kepada rakyat jelata untuk melibatkan diri dalam pembuatan keputusan atau pembentukan dasar.<sup>64</sup> Oleh yang demikian, secara tidak langsung mereka adalah golongan yang digelar sebagai pengundi bagi proses pilihan raya. Sekiranya rakyat melihat sesuatu yang negatif dalam parti politik yang disokong, maka natijahnya akan membawa kepada kesan yang buruk. Beberapa

---

<sup>61</sup> Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia, laman sesawang <http://www.spr.gov.my> , dicapai 26 September 2012.

<sup>62</sup> Berita Harian, laman sesawang <http://bharian.com.my>, dicapai 26 September 2012.

<sup>63</sup> Maizatul Haizan dan Mohamad Zain Musa, *SPR dan Pengurusan Pilihan Raya di Malaysia* (Bangi: Penerbit UKM, 2005), 74.

<sup>64</sup> Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, *Demokrasi dan Kepimpinan Islam: Suatu Perbandingan* (Cheras: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2001), 1.

penganalisis politik berpendapat bahawa pola pengundian dipengaruhi oleh isu, kegagalan dasar sesuatu parti politik dan sikap ahli politik itu sendiri melalui media.<sup>65</sup>

Pada dasarnya semua rakyat atau warganegara Malaysia adalah berhak menjadi pengundi. Mengikut Perlembagaan Malaysia, rakyat yang dianggap layak mengundi atau boleh menjadi pengundi ialah:

- i. warganegara Malaysia
- ii. berumur tidak kurang daripada 21 tahun daripada tarikh kelayakan mengundi.<sup>66</sup>
- iii. merupakan penduduk di mana-mana bahagian pilihan raya di Malaysia
- iv. tidak hilang kelayakan<sup>67</sup>

Walaupun syarat-syarat tersebut lengkap, seseorang itu tidak boleh mengundi sekiranya nama seseorang itu tidak disenaraikan dalam daftar pemilih. Daftar pemilih adalah satu dokumen yang menyenaraikan nama-nama pengundi atau pemilih bagi sesuatu kawasan pilihan raya. Mereka yang namanya tidak tercatat dalam daftar ini, mengikut Peraturan Pilihan raya 14 dan 15, 1959, tidak dibenarkan membuang undi.<sup>68</sup>

Ia juga menetapkan bahawa pengundi hanya boleh membuang undinya di sesuatu Pusat Mengundi di mana namanya didaftarkan di dalam Daftar Pemilih bagi Pusat Mengundi berkenaan.<sup>69</sup> Apabila proses pilihan raya bakal berlangsung, beberapa iklan daripada pihak SPR mengenai semakan nama akan terpapar dari masa ke semasa. Mereka juga boleh berdaftar atau menyemak pada bila-bila masa sahaja melalui laman web SPR atau di kaunter-kaunter semakan yang dibuka di beberapa tempat tertentu.

---

<sup>65</sup> Mujahid Yusof, *Wajah Baru Politik Malaysia* (Petaling Jaya: Anbakri Publika Sdn. Bhd, 2009), 159.

<sup>66</sup> Salleh, *Pilihan raya Malaysia*, 10.

<sup>67</sup> Tajuddin, *Malaysia Negara Kita*, 422.

<sup>68</sup> Ghazali Shafie, *Pengajian Malaysia* (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2006), 129-130.

<sup>69</sup> *Ketelusan Urusan Pengeluaran, Pengundian, Pembukaan dan Pengiraan Undi Pos* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPRM), 2008), 1.

Sementara itu, golongan yang dikecualikan daripada mengundi atau tidak layak menjadi pengundi dalam pilihan raya, sama ada dalam pilihan raya bagi Dewan Rakyat atau Dewan Negeri ialah:

- i. ditahan sebagai seorang yang tidak sempurna akal atau kerana menjalankan hukuman penjara yang dikenakan ke atasnya pada tarikh kelayakannya
- ii. didapati bersalah dan dihukum mati atau penjara lebih dari 12 bulan dalam mana-mana negara Komanwel. Sebelum tarikh kelayakan dan pada tarikh kelayakan itu pula dia masih lagi menjalani hukuman atas kesalahannya.<sup>70</sup>
- iii. didapati bersalah di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954; atau
- iv. mempunyai kerakyatan asing<sup>71</sup>

### **2.2.3 Calon**

Dalam pilihan raya umum, pengundi-pengundi akan memilih dua orang calon yang difikirkan layak mewakili mereka bagi kedua-dua Dewan, iaitu Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Calon yang bertanding dalam satu kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri dikenali sebagai calon untuk Ahli Dewan Undangan Negeri atau Ahli DUN. Manakala bagi Dewan Rakyat pula calon itu dikenali sebagai Ahli Parlimen atau Wakil Rakyat. Antara syarat kelayakan untuk menjadi Ahli DUN atau Ahli Parlimen ialah<sup>72</sup>:

- i. warganegara Malaysia
- ii. berumur 21 tahun ke atas
- iii. bermastautin tetap di Malaysia

---

<sup>70</sup> Salleh, *Pilihan raya Malaysia*, 10.

<sup>71</sup> Tajuddin, *Malaysia Negara Kita*, 422.

<sup>72</sup> Ghazali, *Pengajian Malaysia*, 136.

- iv. tidak disahkan sebagai seorang yang tidak sempurna akal
- v. bukan seorang bankrap yang belum dilepaskan
- vi. bukan seorang pemegang “jawatan berpendapatan”<sup>73</sup>
- vii. bukan seorang yang telah gagal untuk mengemukakan penyata perbelanjaan pilihan raya dalam masa dan dengan cara yang dikehendaki sebagai calon / agen pilihan raya dalam pilihan raya yang lepas
- viii. bukan orang yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah dan dihukum penjara selama tempoh tidak kurang dariada satu tahun atau didenda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan belum menerima pengampunan
- ix. telah tidak menjadi warganegara negeri lain atau menikmati keistimewaan yang didapati oleh wargenegara dalam mana-mana negeri

Seseorang ahli DUN tidak boleh pada masa yang sama mewakili lebih daripada satu kawasan pilihan raya. Begitu juga bagi seorang Wakil Rakyat tidak boleh menjadi ahli bagi kedua-dua Majlis Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) atau mewakili lebih dari satu kawasan pilihan raya. Sebaliknya, mereka boleh menjadi calon bagi ahli Parlimen dan ahli DUN pada masa yang sama.

#### **2.2.4 Proses pilihan raya**

Bagi memelihara keharmonian negara, proses pilihan raya dijalankan mengikut ketetapan yang dipertanggungjawabkan oleh suatu suruhanjaya iaitu Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia atau SPR. Suruhanjaya ini akan memastikan perjalanan proses pilihan raya berjalan lancar daripada awal sehingga mendapat keputusan pilihan raya.

---

<sup>73</sup> jawatan sepenuh masa dalam perkhidmaran awam atau jabatan kerajaan. Sekiranya seseorang kakitangan kerajaan hendak menjadi calon, dia terlebih dahulu hendaklah meletakkan jawatannya dan dia perlu mempunyai bukti kukuh tentang itu dan ianya perlu sah dan boleh diterima.

Langkah pertama dalam pelaksanaan pilihan raya ialah mengumumkan tarikh penamaan calon serta pengundian. Sebelum memulakan proses pilihan raya umum atau pilihan raya kecil, SPR akan mengeluarkan writ<sup>74</sup> pilihan raya kepada Pegawai Pengurus. Selain itu, SPR juga akan turut mengeluarkan satu notis mengenai penetapan tarikh bagi penamaan calon dan hari pengundian.<sup>75</sup>

Seterusnya ialah hari penamaan calon. Hari penamaan calon merujuk kepada hari di mana calon-calon yang bertanding di dalam pilihan raya dikehendaki mengemukakan kertas-kertas penamaan mereka kepada Pegawai Pengurus dan kertas penamaan juga boleh dikemukakan oleh penyokong atau pencadang calon-calon.<sup>76</sup> Calon-calon berhak untuk bertanding di atas nama parti atau di atas nama individu sebagai calon bebas. Mereka juga hendaklah mempertaruhkan wang yang berjumlah RM10,000 untuk kerusi Parlimen dan wang sebanyak RM5,000 untuk kerusi Negeri pada hari penamaan calon atau sebelumnya.<sup>77</sup>

Menurut Timbalan Pengerusi SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar, proses pamer dan bantah akan dimansuhkan dalam PRU 13 nanti.<sup>78</sup> Ini bermakna, sebarang bantahan terhadap penamaan calon pilihan raya sejurus penamaan calon tidak lagi berfungsi sebagaimana dalam PRU sebelum ini. Seterusnya ialah proses penyediaan manifesto iaitu pengisytiharan atau pengumuman kepada orang ramai tentang dasar, tujuan dan pelbagai lagi perkara-perkara lain bagi sesuatu parti politik sebelum bermulanya pilihan raya. Selain itu, antara perkara penting dalam pilihan raya ialah pelancaran kempen pilihan raya.

---

<sup>74</sup> Writ ialah perintah bertulis yang dikeluarkan oleh mahkamah yang memerintahkan seseorang atau sesuatu pihak melaksanakan atau berhenti daripada melaksanakan sesuatu kegiatan tertentu

<sup>75</sup> Tajuddin Hussein (2009), *Malaysia Negara Kita*, h. 418-421

<sup>76</sup> Pusat Maklumat Rakyat, laman sesawang <http://pmr.penerangan.gov.my>, dicapai 27 September 2012.

<sup>77</sup> Ibid

<sup>78</sup> BeritaHarian, laman sesawang <http://bharian.com.my>, dicapai 27 September 2012.

Kempen merupakan aktiviti yang dibuat bagi memancing undi untuk calon parti<sup>79</sup> mahupun perseorangan bagi yang bertanding secara individu. Kempen pilihan raya merupakan salah satu agenda terpenting dalam proses pilihan raya kerana pada waktu inilah calon-calon parti berpeluang mengadakan pelbagai acara untuk meraih sokongan dari pengundi. Mereka akan dibantu oleh para sukarelawan pihak masing-masing dengan menyediakan publisiti dan juga membuat lawatan dari rumah ke rumah.

Setelah itu, pengumuman tempat mengundi dan pengiraan undi akan dilakukan oleh pihak SPR. Pada peringkat ini, SPR bertanggungjawab untuk mengumumkan tentang lokasi di mana pengundian akan dijalankan dan di mana semua undi-undi akan dikira. Seterusnya ialah proses mengundi yang mana mereka akan diberi kertas undi di tempat pengundian yang mempunyai simbol parti atau calon yang bertanding semasa pilihan raya. Di Malaysia, tempoh pembuangan undi selama sehari yang bermula dari jam 8 pagi sehingga 5 petang di seluruh negeri.<sup>80</sup> Hanya mereka yang berdaftar didalam Daftar Semakan Pemilih sahaja yang akan dibenarkan mengundi.

Seterusnya acara yang dinantikan oleh setiap pengundi mahupun calon iaitu pengumuman keputusan pilihan raya. Setelah selesai mengira undi, keputusannya akan diserahkan kepada Pegawai Pengurus yang berada di pusat penjumlahan undi. Seterusnya keputusan akan diumumkan dan calon yang mendapat jumlah undi majoriti diumumkan sebagai pemenang atau wakil bagi kawasan berkenaan. Sekiranya berlaku ketidakpuasan dari mana-mana pihak akibat berlakunya seperti peras ugut, rasuah atau melanggar peraturan, mereka boleh membawanya ke mahkamah melalui satu petisyen.

---

<sup>79</sup> Portal Rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka, laman sesawang <http://dbp.gov.my>, dicapai 27 September 2012.

<sup>80</sup> Pusat Maklumat Rakyat, laman sesawang <http://pmr.penerangan.gov.my>, dicapai 27 September 2012.

### 2.3 Jenis Pilihan raya di Malaysia

Umumnya, terdapat dua jenis sistem pilihan raya yang popular dalam kalangan negara demokratik, iaitu sistem majoriti dan sistem perwakilan nisbah. Jenis sistem pilihan raya yang pertama, iaitu sistem majoriti juga dikenali sebagai sistem *single-member-district plurality*. Dalam sistem pilihan raya ini, sesebuah negeri akan dibahagikan kepada beberapa buah daerah mengundi di mana setiap satunya mewakili sebuah kerusi di peringkat badan perundangan. Calon yang mendapat jumlah undi terbanyak di sesebuah daerah akan diisytiharkan sebagai wakil rakyat bagi kawasan tersebut.<sup>81</sup>

Sistem majoriti mempunyai tiga variasi iaitu majoriti mutlak melalui undian alternatif, majoriti mutlak melalui undian kedua dan majoriti mudah. Di antara ketiga sistem ini, majoriti mudah atau sistem *first past the post* (FPTP) merupakan sistem yang paling popular dalam kalangan negara demokratik. Seseorang pengundi hanya perlu memangkah 'X' di sebelah nama calon yang disokong dan seterusnya calon yang memperoleh jumlah undi yang terbanyak akan diiktiraf sebagai pemenang walaupun beliau tidak memperoleh lebih daripada 50% undi.<sup>82</sup>

Setelah setiap ahli perundangan dipilih, parti yang mempunyai jumlah kerusi terbanyak akan membentuk kerajaan. Sistem ini digunakan oleh beberapa buah negara seperti Britian, Amerika Syarikat, Kanada dan begitu juga negara Malaysia. Negara kita telah mengamalkan sistem ini sejak permulaan pilihan raya umum pertama yang diadakan pada tahun 1959.

Menurut Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman, Malaysia amat sesuai dengan sistem ini terutama dalam keadaan negara baru mencapai kemerdekaan ketika itu dengan 65 peratus penduduknya tergolong dalam kategori buta huruf. Di samping itu,

---

<sup>81</sup> Faisal Syam, Neilson dan Ahi, *Tingkah laku Pengundian*, 1.

<sup>82</sup> Ibid

sistem ini mudah difahami dan pengundi mendapat kepuasan memilih calon secara langsung di kawasan yang telah ditetapkan. Bahkan keputusan pilihan raya dapat diketahui dengan cepat dan pantas kerana proses pengiraan undi dapat disegerakan.<sup>83</sup>

Sistem ini dibincangkan oleh ramai sarjana kerana menghasilkan satu parti majoriti, yang stabil, kuat dan lebih bertanggungjawab. Manakala ada yang berpendapat sistem ini berpotensi untuk menghasilkan majoriti yang sangat besar, undi membazir, ketidakadilan kepada parti kecil dan membolehkan parti berkuasa dengan sokongan yang kecil.<sup>84</sup>

## 2.4 Sejarah Penyertaan Wanita dalam Pilihan Raya

Penglibatan wanita dalam pilihan raya tidak dinafikan bermula apabila mereka melibatkan diri dalam bidang politik. *Sejarah Melayu* ada menyebut tentang seorang wanita bernama Tun Kudu. Beliau merupakan wanita yang berjaya menyatukan kembali perpecahan di kalangan rakyat Melaka dengan merelakan dirinya dikahwinkan dengan salah seorang ketua yang berseteru itu.<sup>85</sup> Perkara ini berlaku pada era 1900-an dan menandakan golongan wanita telah mula melibatkan diri dalam politik.

Manakala dalam *Hikayat Seri Kelantan* dan *Chetera Kelantan* pula terdapat dua orang wanita diraja yang pernah memerintah Kelantan. Wanita berkenaan ialah Cik Siti Wan Kembang dan anak angkatnya Puteri Saadong.<sup>86</sup> Ini jelas membuktikan bahawa wanita pada zaman lampau telah mendahului satu tahap politik yang cukup mengagumkan. Namun begitu, wanita seperti Tun Kudu dan Cik Siti Wan Kembang

---

<sup>83</sup> G. Manimaran, "Sistem Pilihan raya Negara Mantap" dalam *Politik: Isu-isu Integriti: 2000-2008*, ed. Anis Yusal Yusoff dan Zubayry Abady Sofian (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd dan Institut Integriti Malaysia (IIM), 2008), 200.

<sup>84</sup> Amer Saifude Ghazali, *Geografi Pilihan raya Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009), 15.

<sup>85</sup> Penulis tidak diketahui. *Sejarah Melayu* (Singapura: The Malaya Publishing House Ltd, 1950), 79.

<sup>86</sup> Mohd. Taib Osman, *Hikayat Seri Kelantan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004), 2.



merupakan salah seorang dari golongan aristokrat atau kerabat diraja. Golongan ini secara tidak langsung akan melibatkan diri dalam arena politik atau kepimpinan<sup>87</sup> kerana dilahirkan dari kalangan berpengaruh.

Sebelum golongan wanita melibatkan diri secara aktif dalam politik, sebenarnya mereka telah mula menjalankan aktiviti berkumpulan yang membawa kepada penubuhan beberapa organisasi semasa zaman prapendudukan Jepun lagi. Namun kegiatan tersebut hanya terbatas dalam aspek menjaga kebajikan ahli dan meningkatkan pendidikan wanita, khususnya di kalangan kanak-kanak perempuan. Antara aktiviti tersebut seperti memasak, menjahit dan lain-lain.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong kemunculan pertubuhan tersebut. Antaranya ialah gerakan dakwah Kristian antarabangsa, kesedaran baharu dan semangat altruisme<sup>88</sup> golongan wanita berpendidikan dan pengaruh semangat kebangsaan.<sup>89</sup> Namun, setelah Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura ditakluki Jepun dalam bulan Februari 1942, hampir semua pertubuhan terbantut ekoran suasana perang.

Sesudah pendudukan Jepun, kesedaran politik di kalangan masyarakat Melayu sama ada lelaki mahupun wanita makin rancak apabila British bercadang untuk menubuhkan *Malayan Union*. Kemarahan rakyat Tanah Melayu membuak-buak apabila *Malayan Union* yang dirancang itu hakikatnya telah mengeneipkan hak mereka dan sultan di bumi sendiri. Antara isi kandungannya ialah pemerintah di setiap negeri dan tanah jajahan ialah Pesuruhjaya Residen yang juga bertindak sebagai Pengerusi Majlis Negeri atau Tanah Jajahan.

---

<sup>87</sup> Jamilah Ariffin, *Women & Development in Malaysia* (Subang Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd, 1992), 2.

<sup>88</sup> Altruisme bermaksud sifat atau prinsip suka mengutamakan kebajikan atau kebahagiaan orang lain daripada diri sendiri. Sila lihat *Kamus Dewan* di halaman 32

<sup>89</sup> Makmor Tumin, *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 3

Manakala Gabenor pula mempunyai kuasa muktamad untuk mengubah, memansuh atau membatalkan sebarang undang-undang negeri atau tanah jajahan serta menandatangani dan mengesahkan perkara tersebut dan bukannya Sultan. Seluruh harta Negeri-negeri Melayu termasuk tanah akan diambil alih oleh kerajaan *Malayan Union* kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan hak persendirian Sultan-sultan.<sup>90</sup> Dalam pada itu, akhbar Majlis telah menyiarkan berita pertama mengenainya pada 12 Oktober 1945 iaitu dua hari selepas pengumuman dibuat di London dan sehari selepas ketibaan MacMichael.<sup>91</sup>

Dato' Onn kemudiannya telah mencadangkan supaya diadakan Kongres Melayu bagi menyatukan seluruh bangsa Melayu untuk menentang *Malayan Union*. Dalam perhimpunan tersebut, keputusan telah dibuat dan sebuah persatuan akan ditubuhkan iaitu *United Malaya Organisation* atau ringkasnya UMO. Namun di atas cadangan Tuan Zainal Abidin Ahmad yang dikenali sebagai Pendeta Za'ba, perkataan *United Malaya Organisation* sesuai ditambah perkataan *National* atau kebangsaan.<sup>92</sup> Maka tertubuhlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau *United Malays National Organisation* (UMNO) sebagai wadah perjuangan bangsa Melayu.

Manakala sebuah pergerakan wanita di Malaya<sup>93</sup> yang dikenali dengan nama Angkatan Wanita Sedar<sup>94</sup> (AWAS) pula telah ditubuhkan. Buat pertama kalinya AWAS adalah sebuah persatuan yang berunsurkan politik yang diasaskan oleh golongan wanita

---

<sup>90</sup> B. Simandjuntak, *Federalisme Tanah Melayu*, 44-45.

<sup>91</sup> Zakiah Hanum, *Tercabarnya Maruah Bangsa: Satu Himpunan Pemikiran Wartawan Akhbar Majlis 1945-1948* (Kuala Lumpur: Penerbitan Lajmeidakh Sdn Bhd, 1987), 11.

<sup>92</sup> Wan Mohd. Mahyiddin, *UMNO: Sejarah, Organisasi dan Perlaksanaan Dasar* (Kuala Lumpur: HPI Lectures Sdn. Bhd, 2007), 38.

<sup>93</sup> Pertubuhan wanita berbangsa Cina dan India mula wujud pada era 1970 an seperti WANITA GERAKAN dan WANITA DAP. Begitu juga golongan wanita dari politik lain seperti PAS.

<sup>94</sup> AWAS merupakan "sayap wanita" kepada Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Bahagian Wanita itu telah ditubuhkan dalam bulan Disember 1945 atas usaha Dr. Burhanuddin, Presiden PKMM. Beliau berpendapat wanita juga mempunyai peranan tersendiri dalam perjuangan untuk mencapai kemerdekaan. Pada waktu kemuncaknya, keanggotaan AWAS pernah mencecah seramai 2000 orang. Aktiviti utama AWAS termasuklah mengadakan sesi perbincangan bagi meningkatkan kesedaran nasionalisme dan persamaan hak antara lelaki dan wanita di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura disamping bekerjasama dengan aktivis-aktivis wanita dari Indonesia dan menyediakan forum bagi mereka.

Melayu yang bersemangat antipenjajah. Kongres pertama AWAS telah berjaya diadakan di Panggung Queen, Kajang, Selangor pada 10 hingga 12 Oktober 1947.<sup>95</sup> Antara tokoh-tokoh wanita radikal dalam persatuan AWAS ialah seperti Sawiyah Jalil, (Ketua AWAS Perak) dan Sakinah Junid (Tokoh AWAS Padang Rengas, Perak). Walaubagaimanapun, British telah mengharamkan AWAS pada Julai 1947.<sup>96</sup>

Selain dari itu, terdapat beberapa persatuan lain yang telah ditubuhkan. Dalam Mesyuarat Agung UMNO 1946, tiga tokoh wanita UMNO iaitu Puan Sri Datin Hajah Putih Mariah (Persatuan Melayu Perak), Puan Zainab Abdul Rahman (Persatuan Melayu Seberang Perai) dan Puan Saleha Ali (Persatuan Melayu Selangor) telah bertemu dan melahirkan cita-cita untuk menubuhkan pergerakan wanita Melayu. Proses penubuhan ini memakan masa selama 3 tahun dan membentuk Persatuan Kaum Ibu UMNO.<sup>97</sup> Sebuah pertubuhan yang berasaskan semangat nasionalisme Melayu di Kedah, iaitu SABERKAS.<sup>98</sup> juga telah menggalakkan wanita terlibat dalam aktiviti meningkatkan kesedaran politik.

Manakala Kumpulan Ibu Sepakat Johor di bawah pimpinan Zainun Munshi Sulaiman atau dikenali sebagai 'Ibu Zain' dan Persatuan Melayu Perak cawangan Ipoh oleh Puteh Maria Rashid juga turut sama menyemarakkan lagi semangat kebangsaan.<sup>99</sup> Seterusnya Kaum Ibu Rembau, Negeri Sembilan juga turut diasaskan dalam bulan Mac

---

<sup>95</sup> Shamsiah Fakeh, *Memoir Shamsiah Fakeh dari AWAS ke Rejimen ke-10* (Petaling Jaya: Strategic Information & Research Development Centre, 2007), 46.

<sup>96</sup> Ishak Saat dan Nazarudin Zainun, ed., *Wanita dan Perjuangan* (Batu Pahat: Penerbit UHTM, 2011), 9.

<sup>97</sup> Wan Mohd. Mahyiddin Wan Nawang et al., *Pergerakan Wanita UMNO: Sepanjang Lima Dekad* (Kuala Lumpur: Kembangan Kristal (M) Sdn Bhd, 1993), 11

<sup>98</sup> Singkatan daripada nama asalnya ialah 'Syarikat Bekerjasama Am Saiburi'. Pada bulan Januari 1946, nama itu ditukar kepada 'Sayang Akan Bangsa Ertinya Redza Korbankan Apa Segala'. Pergerakan itu telah ditubuhkan di Kedah dalam awal tahun 1944, di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Pergerakan tersebut antara lain ditubuhkan atas kesedaran kemunduran akibat penindasan terhadap etnik Melayu di bawah pemerintahan Jepun di samping penyerahan Kedah sendiri dan beberapa buah negeri lain seperti Kelantan, Perlis dan Terengganu kepada kerajaan Siam.

<sup>99</sup> Makmor, *Wanita di Malaysia*, 13.

1946 di bawah pimpinan Halimahton Abdul Majid. Penubuhan ini mendapat restu golongan istana dengan kesudian Tengku Ampuan Negeri Sembilan menaunginya.<sup>100</sup>

Sehingga Disember 1946 sahaja, dicatatkan terdapat sekurang-kurangnya 10 pertubuhan wanita Melayu yang aktif di bandar-bandar utama Semenanjung Tanah Melayu seperti di Kluang, Muar, Pontian, Taiping, Kuala Krai, Ulu Langat, Melaka, Seremban, Kuantan, dan Perak Hilir.<sup>101</sup> Ini membuktikan golongan wanita tidak terkecuali mempunyai semangat juang yang tinggi sepertimana golongan lelaki. Sebaliknya, bagi wanita berbangsa Cina, mereka masih belum melibatkan diri dalam politik walaupun MCA telah ditubuhkan pada tahun 1949 tetapi berlainan pula bagi wanita berbangsa India yang telah menyumbangkan bakti dalam MIC seperti Puan Sri Nahappan dan Puan Lobo.<sup>102</sup>

Persoalan yang timbul ialah bagaimana wanita pada era 1940-an terlibat dengan kegiatan politik? Jika diteliti, kebanyakan daripada mereka terdorong untuk melibatkan diri melalui persatuan kaum ibu apabila suami mereka terlibat dalam persatuan bercorak politik. Memandangkan suami mereka berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan, tidak dapat tidak semangat kebangsaan turut bergolak.

Selain dari itu, ada di antara mereka pula didedahkan dengan latar belakang pendidikan Islam. Ini merupakan pendidikan awal yang diperolehi akibat keengganan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah Inggeris ekoran bimbang menjadi Kristian. Oleh itu, sejak 1930 lagi sebahagian dari anak-anak perempuan dihantar bersekolah ke Padang Panjang, Sumatera.<sup>103</sup> Ditambah pula dengan fahaman antipenjajah di kalangan guru-guru di sana, maka anak-anak ini turut tersemam sifat benci pada penjajah setelah kembali ke tanah air.

---

<sup>100</sup> Ibid.

<sup>101</sup> Ibid.

<sup>102</sup> Jamilah, *Women & Development*, 9.

<sup>103</sup> Andek Masnah Andek Kelawa, *Kepimpinan Wanita dalam Islam: Kedudukannya dalam Syariah* (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999), 141-142.

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, golongan wanita mengambil langkah yang lebih berani dengan melibatkan diri dalam pilihan raya. Situasi ini dapat dilihat ketika pilihan raya pertama peringkat tempatan di Kuala Lumpur yang diadakan pada Februari 1952. Dalam pilihan raya itu, daripada 32 orang calon yang bertanding untuk 12 kerusi Dewan Bandaran Kuala Lumpur, empat daripadanya adalah calon wanita.<sup>104</sup> Walaubagaimanapun, kesemua empat calon wanita itu terdiri daripada kaum bukan Melayu dan mereka adalah wanita pertama yang mengambil bahagian dalam pilihan raya di Malaysia.

Pada Disember 1952, enam lagi pilihan raya tempatan diadakan di beberapa negeri iaitu Melaka, Johor Bahru, Batu Pahat, Muar, Singapura, Kuala Lumpur dan Georgetown. Daripada 99 calon yang bertanding untuk 37 kerusi, sembilan adalah wanita dan enam berjaya dipilih. Dua calon wanita yang mewakili UMNO ialah Zahara binti Mohamed Talib di Batu Pahat dan Fatimah binti Haji Yunos di Muar telah menang dalam pilihan raya.

Pada bulan Oktober 1953, terdapat pilihan raya bagi majlis-majlis tempatan yang ditubuhkan sekitar kampung-kampung baru berikutan keadaan Darurat oleh pihak Komunis. Pada waktu itu, difahamkan bahawa Pesuruhjaya Tinggi, Sir Gerald Templer mahu wanita turut serta bertanding dalam pilihan raya ini. Oleh itu, dua orang wanita telah dipilih untuk mewakili dua majlis tempatan di daerah Kinta, Perak.

Beberapa minggu kemudian, Ipoh dijadikan tempat menjalankan kempen bagi memastikan wanita terlibat dalam pilihan raya bagi peringkat tempatan. Orang yang bertanggungjawab dalam hal ini ialah Mohamed Eusoff bin Mohamed Yusoff.<sup>105</sup> Beliau merayu kepada wanita termasuk golongan para isteri dan anak-anak perempuan

---

<sup>104</sup> Ho Hui Ling, "Prestasi Calon Wanita dalam Pilihan raya Umum ke-12" dalam *Pilihan raya Umum Malaysia ke-12: Isu dan Pola Pengundian*, ed. Joseph M. Fernando, Zulkarnain Abdul Rahman & Suffian Mansor (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 185.

<sup>105</sup> Lenore Manderson, *Women, Politics and Change*, 147-148.

pegawai-pegawai kerajaan agar melibatkan diri secara aktif dengan mengundi, menawarkan diri sebagai calon dan menggalakkan wanita lain untuk mengundi. Sehinggalah pilihan raya diadakan pada akhir tahun itu di beberapa negeri seperti Johor, Melaka, Pulau Pinang dan Kelantan, namun tiada wakil wanita dipertandingkan.

Apabila pilihan raya pertama diadakan pada 27 Julai 1955, wanita telah pun diberi hak untuk mengundi sebagaimana hak untuk diundi. Seorang calon wanita, Halimahton Abdul Majid adalah salah seorang wanita Melayu yang memenangi satu kerusi. Beliau mewakili Perikatan yang bertanding di Ulu Selangor. Calon-calon lain Parti Perikatan yang disenaraikan bertanding di Selangor ialah Ong Yoke Lin (MCA-Kuala Lumpur Barat), Raja Rastam Shahrome bin Raja Said Tauphy (UMNO-Kuala Selangor), Abdul Aziz Ishak (UMNO- Selangor Barat) dan Lee Eng The (MCA-Selangor Tengah).<sup>106</sup>

Manakala bagi peringkat negeri, tiga calon telah dipilih. Dua daripadanya menang tanpa bertanding iaitu Bibi Aishah binti Hamid Don (Kulim Utara) dan Normah binti Kamaruddin (Sik-Gurun) di Kedah. Manakala Ramlah binti Dahlan menang mudah di Temerloh Selatan, Pahang.<sup>107</sup> Dalam pilihan raya 1955 itu, kerajaan British hanya membenarkan 50 peratus sahaja anggota Dewan dipilih menerusi pilihan raya, sementara 50 peratus lagi dilantik oleh kerajaan. Manakala menurut T.E.Smith dalam laporannya menyatakan bahawa sebelum 27 Julai 1955, hanya sebahagian 25% yang telah berdaftar berpeluang mengundi mana-mana parti.<sup>108</sup>

Berikutan kejayaan Parti Perikatan memenangi pilihan raya peringkat persekutuan yang pertama, Kaum Ibu mula mendesak supaya bilangan wanita dalam pilihan raya tempatan dapat dipertingkatkan. Walaupun UMNO bersetuju, hakikatnya

---

<sup>106</sup> Naharuddin Ali, *Wira dan Serikandi Selangor Darul Ehsan: Profil Lima Tokoh Pejuang* (Shah Alam: Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, 2007), 18.

<sup>107</sup> Virginia H. Dancz, *Women and Party Politics*, 110.

<sup>108</sup> T.E. Smith, *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya* (Kuala Lumpur: t.p., 1955), 1.

mereka berasa agak sukar mendapatkan calon wanita yang benar-benar berpotensi. Oleh itu, bagi memperbaiki keadaan ini, mereka bercadang memilih wanita dari Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MIC dan MCA dan seterusnya melatih mereka sebagai calon yang berkualiti.

Berikutan beberapa desakan yang dibuat, calon wanita yang bertanding telah bertambah sehingga mencapai 20 orang, iaitu 15 bertanding di kerusi negeri dan lima di kerusi Persekutuan pada pilihan raya kedua pada tahun 1959. Negeri Selangor telah mengemukakan calon wanita iaitu Tan Sri Aishah Ghani di kawasan Parlimen Setapak. Dengan hanya undian 4805, beliau tewas kepada calon Barisan Sosialis (Front Sosialis), (Dato') Ahmad Boestamam dengan undian 6901.<sup>109</sup>

Di Johor juga UMNO pernah meletakkan calon wanita bagi ADUN Tanjung Puteri, Fatimah Abdul Majid. Namun beliau gagal mempertahankan kerusi kerana tewas dengan undian 2356 kepada calon Barisan Sosialis iaitu, Chu Choon Yong yang mendapat undian 2414.<sup>110</sup> Ini bermakna calon Barisan Sosialis ini hanya menang tipis dengan hanya beza 58 undi sahaja.

Sementara itu, UMNO Kedah, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan juga tidak ketinggalan meletakkan wanita sebagai ADUN pada Pilihan Raya Umum 1959. Wanita UMNO yang berjaya dipilih menjadi ADUN bagi kawasan Sik Gurun di Kedah ialah Hamidah Omar. Beliau bertanding dengan calon PAS iaitu Yahaya bin Junid dengan undian masing-masing 5352 dan 1667 undi.<sup>111</sup>

Manakala Halimah Abdul Raof yang bertanding di Parit Buntar berjaya mengekalkan kedudukan dengan kiraan undi sebanyak 3744 berbanding lawannya dari parti PAS, Hasan Adli bin Arshad yang mendapat 3508 undi. Sementara itu, Som binti

---

<sup>109</sup> *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum Parlimen & Dewan Undangan Negeri 1959-1999* (Shah Alam: Anzagain Sdn Bhd, 2004), 593.

<sup>110</sup> Naharudin, *Wira dan Srikandi Selangor*, 66.

<sup>111</sup> *Ibid*, 54.

Abdullah di Batak Rabit, Perak menang dengan undian 2495 dan lawannya dari parti PKR iaitu Chin Nan King hanya mendapat 1911 undi.<sup>112</sup>

Seterusnya di Pahang, calon wanita iaitu Mahimon binti Harun menang selesa di Teluk Sisik dengan undian 1673 berbanding pihak lawan dari parti PAS iaitu Hamzah bin Dahaman yang mendapat undian 765. Siti Rahmah Kassim di Terentang, Negeri Sembilan pula turut sama mendominasi kedudukan apabila menang dengan undian 1617 manakala Alias bin Abd. Rahman dari parti Parti Negara (PN) hanya dengan 1095 undi.<sup>113</sup> Adapun tiga calon di negeri Kelantan dan Terengganu masing-masing tewas pada Parti Negara iaitu Wan Isma' binti Ab. Kadir di Pasir Puteh Utara Kelantan serta Saripah Azzah Apple di Ladang dan Engku Wok Abdul Rahman di Bukit Besar.<sup>114</sup>

Manakala, dalam pilihan raya tahun 1964, enam wanita telah bersedia untuk pilihan raya ke Dewan Rakyat iaitu dua dari Parti Perikatan, dua dari parti PAS, seorang dari Barisan Sosialis dan seorang lagi sebagai calon bebas. Ini bermakna calon wanita terus meningkat kepada 16 calon bertanding di peringkat negeri dan enam calon bagi kerusi Parlimen. Fatimah Hashim di Jitra-Padang Terap menang selesa apabila bertanding dengan calon dari parti PAS iaitu L. Isa bin Mahamad dengan undian masing-masing 15,835 dan 6105. Manakala Fatimah Abdul Majid di Johor Bahru Timur juga menang selesa apabila berhadapan dengan calon Barisan Sosialis (FS) iaitu Tan Ah Ngo dengan undian masing-masing 12,600 dan 5343.<sup>115</sup>

Jumlah calon wanita terus meningkat dalam Pilihan Raya umum 2008, iaitu 44 calon bertanding bagi merebut kerusi Parlimen dan 80 calon untuk kerusi Dewan

---

<sup>112</sup> Ibid, 394.

<sup>113</sup> Naharudin, *Wira dan Srikandi Selangor*, 67.

<sup>114</sup> *Almanak Keputusan Pilihan Raya Umum*, 231.

<sup>115</sup> Ibid, 838 & 63.



Undangan Negeri.<sup>116</sup> Sejak itu, penglibatan kaum wanita dalam politik terus mendapat perhatian daripada parti-parti politik yang mengambil bahagian dalam pilihan raya.

Walaupun, peranan wanita dalam parti-parti politik di atas khususnya di kalangan parti pembangkang beransur-ansur berkurangan. Ini kerana sebahagiannya disebabkan oleh faktor-faktor seperti kekalahan parti induknya dalam pilihan raya, penahanan pemimpin-pemimpin utamanya di bawah ISA serta pengharaman dan pembubaran parti.<sup>117</sup>

Di samping itu, di antara tujuan penyertaan wanita dalam politik ialah golongan ini sememangnya mempunyai hak dalam proses membuat keputusan dalam pembinaan negara serta ketidakhadiran wanita dalam politik seolah-olah menghina sistem demokrasi dan keadilan yang telah sekian lama wujud di Malaysia.<sup>118</sup> Antara wanita yang berjaya adalah seperti Tan Sri Aishah Ghani yang dilantik sebagai Senator wanita pertama di Malaysia dan Tan Sri Fatimah Hashim sebagai Menteri Kebajikan Masyarakat pertama.

## **Kesimpulan**

Perjalanan pilihan raya di Malaysia merupakan suatu proses yang penting bagi memastikan kerajaan Malaysia diurus dengan lebih baik. Rakyat memainkan peranan yang penting dalam menentukan pemimpin yang akan memerintah kerajaan kelak. Justeru, sokongan wanita amat diperlukan dalam hal ini dan seterusnya diberi peluang menabur bakti untuk negara.

---

<sup>116</sup> Ho Hui Ling, "Prestasi Calon Wanita, 186.

<sup>117</sup> Makmor, 23.

<sup>118</sup> Tan Beng Hui dan Cecilia Ng, "Challenge of Representation: Women's Movement and Electoral Politics" dalam *New Politics in Malaysia*, ed. Francis Loh Kok Wah dan Johan Saravanamuttu (Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2003), 109.